

# JS-SEZ berpotensi besar jadi hab industri halal global

Oleh Mohamed Ismail KP Pakir Mohamed  
bhrencaca@bh.com.my



Ketua Focus Group  
Manufacturing  
Technology  
Management,  
Fakulti Pengurusan  
Teknologi dan  
Perniagaan,  
Universiti Tun  
Hussein Onn  
Malaysia (UTHM)

**Industri** halal antara sektor dengan pertumbuhan terpantas di dunia, disokong permintaan global yang semakin meningkat untuk produk dan perkhidmatan mematuhi prinsip syariah.

Dengan populasi Muslim global mencapai lebih 1.9 bilion orang, potensi pasaran industri halal sangat besar. Dalam hal ini, Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), berpotensi menjadi pusat industri halal di Asia Tenggara.

Malah, dengan lokasi geografi strategik, infrastruktur moden dan akses mudah ke pasaran serantau, JS-SEZ mempunyai peluang besar menjadi pusat industri halal global.

Industri halal tentunya tidak hanya membabitkan makanan dan minuman, bahkan merangkumi sektor pelancongan, farmasutikal, kosmetik, fesyen, kewangan dan logistik.

Permintaan global untuk produk halal dijangka terus meningkat, disokong pertumbuhan ekonomi di negara Islam, urbanisasi dan kesedaran pengguna terhadap kualiti serta kehalalan produk.

Laporan *State of the Global Islamic Economy Report 2022/2023* menunjukkan perbelanjaan pengguna Muslim global bagi produk dan perkhidmatan halal mencapai AS\$2 trilion (RM8.9 trilion) pada 2022 dan dijangka berkembang hingga AS\$3.2 trilion (RM14.3 trilion) pada 2026.

JS-SEZ boleh dibangunkan menjadi pusat pengeluaran dan pembuatan produk halal, bermula daripada makanan dan minuman hinggalah kos-

metik serta farmasutikal.

Dengan kemudahan pengeluaran mematuhi piawaian sijil halal antarabangsa, zon ini boleh menarik pelabur pelbagai negara untuk membina kilang dan kemudahan pengeluaran.

Lokasi JS-SEZ berdekatan pelabuhan dan lapangan terbang utama memudahkan pengedaran produk ke pasaran global. Bagaimanapun, antara cabaran utama dalam industri halal adalah mengekalkan integriti rantai bekalan supaya produk tetap mematuhi piawaian halal.

## Bangun infrastruktur logistik khas

JS-SEZ boleh membangunkan infrastruktur logistik khas direka untuk menyokong pengedaran produk halal, termasuk gudang bersijil halal, pengangkutan sejuk dan sistem penjejakan digital.

Status JS-SEZ juga boleh menarik syarikat teknologi untuk membangunkan penyelesaian inovatif untuk industri halal. Contohnya, teknologi *blockchain* menjejaki rantai bekalan halal, pembangunan bahan alternatif halal untuk industri makanan dan aplikasi kecerdasan buatan (AI) mempercepatkan proses pensijilan halal.

Kerjasama antara syarikat teknologi, institusi penyelidikan dan pengusaha industri halal boleh mendorong pengeluaran produk dan perkhidmatan baharu kompetitif.

JS-SEZ juga boleh menjadi destinasi pelancongan halal dengan menyediakan kemudahan penginapan, restoran dan tarikan mesra Muslim.

Dengan sokongan kerajaan dan swasta, ia boleh menarik pelancong Muslim dari seluruh dunia, terutama dari Asia Barat dan Asia Selatan.

Sebagai sebahagian ekosistem industri halal, kewangan Islam juga boleh berkembang di

JS-SEZ. Kerajaan sudah memperuntukkan zon kewangan khas di Forest City dalam usaha merancang pelaburan, pertumbuhan dan aktiviti ekonomi.

Forest City boleh menjadi pusat untuk perkhidmatan kewangan syariah, termasuk perbankan Islam, insurans syariah (takaful) dan pelaburan berasaskan syariah.

Dengan sokongan tatakelola kondusif, JS-SEZ boleh menarik institusi kewangan global membuka cawangan atau pejabat perwakilan.

Walaupun peluangnya besar, pembangunan industri halal di JS-SEZ juga menghadapi beberapa cabaran. Antaranya keperluan mengharmonikan peraturan antara Malaysia dengan Singapura untuk memastikan kelancaran operasi perniagaan merentas sempadan.

Pendidikan dan latihan tenaga kerja cekap dalam bidang industri halal juga penting untuk memastikan bakat mencukupi.

Bagi mengatasi cabaran ini, Malaysia dan Singapura boleh bekerjasama menyusun dasar menyokong perkembangan industri halal seperti insentif cukai, keseragaman dokumentasi dan pembiayaan penyelidikan.

Kerjasama dengan badan persijilan halal antarabangsa juga boleh membina keyakinan pengguna terhadap produk dan perkhidmatan dihasilkan di JS-SEZ.

Kejayaan JS-SEZ dalam membangunkan industri halal bergantung kepada komitmen semua pihak untuk mewujudkan ekosistem menyokong, telus dan lestari industri halal ini.

Dengan langkah betul, JS-SEZ boleh menjadi model kejayaan untuk pembangunan industri halal di peringkat serantau mahupun global.